

# Jualan Qidz Jus Minda bakal cecah 20,000 botol sebulan

**KUALA LUMPUR** – Panafarm Sdn. Bhd. (Panafarm), pengeluar produk penjagaan kesihatan berjenama Secret Palace, mengunjurkan jualan bagi jus minda yang memfokus kepada kesihatan kanak-kanak, Qidz Jus Minda mencecah kepada 20,000 botol sebulan pada tahun depan.

Pengarah Urusannya, Ku Aizul Nizar Ku Abdul Hamid berkata, buat masa ini, produk yang telah diperkenalkan sejak setahun lalu telah mencatat lebih daripada 5,000 botol sebulan dan angka itu akan terus bertambah ekoran testimoni positif yang diterima daripada pelanggan.

Menurut beliau, kerjasama syarikat dengan Children Islamic Centre (CIC) untuk memasarkan produk ini juga akan membantu meningkatkan jualan syarikat.

“Qidz Jus Minda diedarkan di semua cawangan CIC dan kumpulan pasaran ini



**KU AIZUL** (duduk, dua dari kanan) dan **Suhaila** (duduk, tiga dari kanan) memegang produk Qidz Jus Minda sempena pelancarannya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

telah melibatkan kira-kira 8,000 pelajar tadika.

“Produk ini dapat membantu merangsang perkembangan minda, memperkuat sistem imunisasi dan membantu

tumbesaran kanak-kanak,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Ku Aizul menjelaskan, produk berkenaan dihasilkan di kilang syarikat sendiri yang bertaraf Amalan Pengilangan Ter-

baik (GMP).

Selain itu, formulasi serta kajian dan pembangunan bagi produk tersebut turut mendapat nasihat daripada Pakar Rujuk Makanan Berfungsi/Kesihatan, Universiti Putra Malaysia dan juga Ahli Majlis Pembangunan Herba Negara, Prof. Dr. Suhaila Mohamed.

Tambah beliau, produk berkenaan dihasilkan daripada bahan semula jadi seperti buah tin, kurma, kismis, roselle, madu, pegaga, koko, asid lemak Omega-3 (DHA) dan juga asid *ellagic* iaitu sebatian polifenolik dalam buah delima dan beri.

Produk yang rasanya sedap seperti campuran roselle dan oren itu dijual pada harga RM50 sebotol.

Mereka yang berminat untuk mendapatkan produk dan menjadi pengedar, boleh menghubungi talian **014-828 0290**.